

Kerajaan siapkan 190 rumah terbengkalai

KERAJAAN membelanjakan RM219.543 juta untuk menyiapkan 32 projek rumah yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, 32 projek itu adalah di antara 190 projek yang berjaya disiapkan oleh kementeriannya dari 2009 sehingga 28 Julai lalu.



“Dari 2009 sehingga 28 Julai lalu, sebanyak 253 projek perumahan swasta telah disahkan terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 190 projek atau 75 peratus telah berjaya disiapkan oleh KPKT yang memberi manfaat kepada seramai 34,451 orang pembeli rumah.

“Daripada 190 projek yang telah disiapkan dalam tempoh sama, sebanyak 32 projek telah dipulihkan menggunakan dana kerajaan dengan jumlah RM219.543 juta yang telah memberi manfaat kepada 5,079 pembeli,” katanya menjawab soalan **Datuk Normala Abdul Samad (BN-Pasir Gudang)**.